



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PROGRAM MOSTI TECH TALKS 2025 SIRI KE-7: “CHIPS, CAREERS AND COUNTRY: THE RACE FOR MALAYSIA’S ADVANCED TECH LEADERSHIP

KUALA LUMPUR, 5 NOVEMBER 2025 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) meneruskan penganjuran program **MOSTI Tech Talks siri ke-7** yang bertajuk “**Chips, Careers and Country: The Race for Malaysia’s Advanced Tech Leadership**” berlangsung di UCSI, Kuala Lumpur.

Dalam ucapannya, YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menegaskan bahawa generasi muda memainkan peranan penting dalam memacu masa depan teknologi negara. Cip yang menggerakkan peranti pada hari ini telah membuka peluang besar untuk Malaysia membina kepakaran dalam industri semikonduktor, kecerdasan buatan (AI) dan *deep tech*. Dalam era persaingan teknologi yang pesat, kemajuan Malaysia bergantung pada bakat, inovasi dan keberanian anak muda untuk meneroka dan mencipta potensi baharu. Setiap cip yang dihasilkan, idea yang diuji dan usaha baharu yang digerakkan akan membawa Malaysia selangkah ke hadapan bukan sahaja penyertaan tetapi memimpin perlumbaan teknologi dunia.

Sesi perkongsian dimulakan oleh YB Menteri sebagai panel utama yang membincangkan peranan dan potensi generasi muda dalam pembangunan teknologi di Malaysia. Sesi panel kedua oleh Encik Ong Chin Hu, Ketua Pegawai Eksekutif, Tenasic Technology yang berpengalaman luas dalam reka bentuk semikonduktor dan kejuruteraan serta pernah berkhidmat di StarFive dan Intel Programmable Solutions Group (PSG). Segmen terakhir adalah sesi soal jawab interaktif bersama panel dan peserta yang dikendalikan oleh YBrs. Dr. Nordin bin Ramli, Ketua Diplomasi Teknologi MIMOS.

Selaras dengan prinsip MADANI sebagai panduan dan fokus MOSTI yang berteraskan kepada konsep P.R.E.C.I.S.E - People Centric, R&D, Enculturate, Capacity Building, Investment dan Start-ups Ecosystem yang diperkenalkan oleh YB Menteri sejak tahun 2023, setiap program yang dilaksanakan hendaklah memberi manfaat langsung kepada rakyat. Pendekatan ini memastikan sains, teknologi dan inovasi (STI) dapat dirasai dan dimanfaatkan oleh segenap lapisan masyarakat dalam kehidupan seharian.

Bagi menyokong aspirasi ini, siri **MOSTI Tech Talks 2025** yang dicadangkan oleh YB Menteri diwujudkan sebagai platform untuk memperkukuhkan pembudayaan STI melalui perkongsian idea, pengalaman dan inspirasi antara kepimpinan Kementerian, industri dan komuniti akademik.

Program MOSTI Tech Talks siri ke-7 telah dihadiri oleh pengurusan tertinggi MOSTI dan lebih 250 peserta UCSI. Penganjuran ini mencerminkan komitmen MOSTI dalam memperluas capaian ilmu STI dan memupuk interaksi langsung antara kerajaan, akademik dan masyarakat tempatan.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
5 NOVEMBER 2025